

Graduan berkualiti jami

Penyusunan semula struktur pengajian tinggi p

Oleh Dr Mohd Noor Yazid

MENJELANG Ogos dan September ini, graduan muda akan menerima ijazah pada majlis konvokesyen di universiti masing-masing. Jumlah graduan pastinya meningkat setiap tahun. Satu persoalan yang menarik untuk kita kongsi bersama ialah mengenai mutu graduan yang dihasilkan. Ramai bersungut mutu graduan kini dikatakan semakin merosot jika dibandingkan pada 1970-an dan 1980-an.

Mutu ini bukan saja dilihat daripada penguasaan bahasa Inggeris yang lemah, malah penguasaan dan pencapaian ilmu secara keseluruhannya. Kenapa ini berlaku? Adakah kerana terlalu banyak universiti, maka calon yang bukan benar-benar layak pun diterima sebagai mahasiswa.

Dengan pensyarah bersifat liberal dan perikemanusiaan yang tinggi dalam pemberian markah mendorong pelajar lulus peperiksaan. Mungkin ini ada benarnya, kerana peluang bagi memasuki universiti pada 1970-an dan 1980-an, sangat sukar.

Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) ketika itu belum lagi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang benar-benar baik saja boleh melayakkan seseorang memasuki universiti. Ini bukan dilihat daripada keputusan STPM, sebaliknya keupayaan sebenar dan pencapaian pemikiran sebagai ahli menara gading.

Peraturan mahasiswa yang gagal juga amat kurang dibandingkan apa yang berlaku pada 30 atau 40 tahun lalu. Saya tidak menafikan sebab lain, tetapi apa yang ingin saya ke-

12-11 31/10/08 Mls R
mukakan di sini ialah struktur pengajian di universiti yang mula diubah mulai sesi pengajian 1996/1997.

Mulai sesi itu, tempoh masa pengajian kebanyakan ijazah sarjana muda dipendekkan daripada empat kepada tiga tahun dengan jumlah jam kredit sama, iaitu lebih kurang 120. Ini dilakukan bagi memenuhi keperluan semasa melahirkan tenaga kerja lebih ramai dan segera.

Dengan tempoh lebih singkat, keperluan industri yang memerlukan tenaga graduan akan dapat dipenuhi segera. Perubahan ini dilakukan ketika Datuk Seri Najib Razak menjadi Menteri Pelajaran. Tapi sekarang keadaan sudah berubah. Kita sepatutnya mengubah struktur pengajian universiti.

Sebarang perubahan yang perlu dan mungkin dilakukan hendaklah atas dasar faktor dan perkiraan akademik, bukan faktor lain, termasuk faktor politik dan keperluan tenaga kerja. Pemimpin kita juga harus sedar akan prinsip ilmu dan struktur pengajian tinggi di universiti dan tidak menggunakan kuasa politik bagi melakukan sebarang perubahan tanpa kajian terperinci.

Struktur pengajian universiti perlu kembali kepada struktur asal diamalkan pada 1970-an hingga awal 1990-an, iaitu struktur pengajian empat tahun dengan penganugerahan ijazah am dan ijazah sarjana muda dengan kepujian.

Ia perlu kerana mutu graduan kepujian sekarang secara umumnya agak sedikit merosot berbanding dengan pemegang ijazah sarjana muda dengan kepujian pada tahun sebelum awal 1990-an. Ini bukan bermakna

kita terkebelakang, tetapi mengambil yang baik dengan apa kita amalkan selama ini.

Kategori graduan mengikut pencapaian yang lebih tepat adalah perlu. Graduan mesti dikelaskan mengikut kepujian kelas pertama, kelas dua atas, kelas dua bawah dan ijazah am (tanpa kepujian).

Anugerah kepujian kelas pertama adalah untuk mereka yang benar-benar layak dan bukannya bagi tujuan lain. Sekiranya tiada yang layak ijazah kepujian kelas pertama, maka ia tidak perlu dianugerahkan. Jika seseorang calon itu tidak layak mendapat ijazah kepujian, berikan saja ijazah am.

Penilaian kelas ini perlu jelas dan tegas. Pemberian kelas kedua bawah berasaskan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) daripada 2.0 hingga 2.9 adalah terlalu besar jaraknya dan ini tidak menunjukkan penentuan kelas yang jelas.

Secukupnya yang mendapat CGPA 2.5 dan ke bawah hanya dianugerahkan ijazah am (tanpa kepujian). Sistem pengujian dan penilaian di universiti mestilah mengikut prosedur betul dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan.

Tempoh masa penyediaan soalan dan masa penilaian, terutama peperiksaan akhir semester mestilah sesuai. Jangan kerana sebab tertentu (misalnya ISO 9000) pensyarah diberikan tempoh masa sangat singkat.

Dalam masa singkat, penilaian yang benar-benar tepat tidak mungkin dapat dilakukan. Pihak pentadbiran universiti mesti menyedari hal ini sekiranya kita mahu mencapai

in masa depan negara

perlu bagi meningkatkan kualiti mahasiswa

universiti bertaraf dunia. Struktur pengajian yang diamalkan sebelum awal 1990-an adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

● Tahun pertama tiga disiplin (contohnya sains politik, sosiologi, sejarah);

● Tahun kedua, dua disiplin (sains politik, sosiologi);

● Tahun ketiga, dua disiplin (sains politik, sosiologi);

● Tahun kepujian khusus dalam satu disiplin, contohnya sains politik dan penulisan latihan ilmiah.

Contoh yang diberikan adalah bagi aliran Sains Sosial dan Kemanusiaan. Keadaan sama juga bagi aliran sains, iaitu mahasiswa tahun pertama dikehendaki mengambil tiga disiplin ketika tahun pertama, contohnya seperti genetik, zoologi dan botani.

Tahun kedua, mahasiswa hanya memilih dua disiplin bergantung kepada minat dan keputusan dicapai. Mahasiswa ini tidak semua secara automatik akan ke tahun kepujian. Hanya mahasiswa mencapai keputusan tertentu yang ditentukan pihak universiti akan naik ke tahun empat (tahun kepujian).

Mahasiswa yang berjaya ke tahun empat ini dimestikan menulis latihan ilmiah, di samping mengambil dua atau satu kertas dalam setiap semester. Tumpuan yang lebih akan mampu diberikan kepada latihan ilmiahnya. Ruang masa yang cukup adalah perlu bagi menghasilkan mutu latihan ilmiah yang baik.

Struktur ini berbeza dengan yang diamalkan kebanyakan universiti awam di Malaysia sekarang. Mahasiswa yang mendaftar tahun pertama

diberikan pengkhususan awal, iaitu satu disiplin tunggal. Misalnya jika sains sosial antaranya adalah seperti komunikasi, sejarah, sosiologi, geografi, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

Sedangkan mahasiswa ini tidak benar-benar jelas apakah bidang sebenar yang mahu dikhususkan nanti. Ini berbeza dengan struktur diamalkan pada 1970-an dan 1980-an apabila mahasiswa tahun pertama diberikan pendedahan kepada tiga disiplin (seperti contoh di atas).

Pendedahan ini penting supaya pengkhususan yang dipilihnya nanti adalah bidang yang benar-benar sesuai dengan minat dan kebolehannya, berbanding pengkhususan awal (satu disiplin tunggal) yang diamalkan sekarang.

Apabila mahasiswa itu memasuki tahun kedua dan ketiga adalah dalam disiplin yang difahami serta sesuai dengan minat dan pencapaiannya dalam tahun pertama. Ini bukan bermakna seseorang mahasiswa itu bebas memilih tanpa asas. Ia dibenarkan mengambil sesuatu jurusan disiplin berdasarkan keputusan tahun pertama serta dengan minatnya dalam sesuatu disiplin pengajian.

Mahasiswa mesti memberi tumpuan lebih kepada disiplin pengajian yang dipilihnya kerana jika tidak mencapai tahap pencapaian tertentu, maka dia tidak dibenarkan meneruskan pengajian sehingga tahun kepujian.

Jika keputusannya lemah, maka seseorang itu terpaksa menamatkan pengajian di tahun tiga dengan hanya mendapat ijazah am (tanpa kepujian, BA atau BSc saja, tanpa

(Hons). Gaji permulaan, kenaikan pangkat dan hal lain yang berkaitan dengan kemajuan kerjaya bagi pemegang BA/BSc dan BA (Hons)/BSc (Hons) adalah berbeza.

Untuk melayakkan ke tahun empat (tahun kepujian) mestilah mendapat keputusan yang baik sepanjang tiga tahun pengajian. Tidak semua orang boleh menulis latihan ilmiah dengan baik. Hanya mereka yang berminat dan layak saja harus diberi peluang ke tahun empat.

Apa yang berlaku sekarang ialah mahasiswa diberi pilihan sama ada menulis latihan ilmiah atau menjalankan praktikum. Tidak ada syarat tertentu menetapkan seseorang itu harus menjalankan praktikum atau menulis latihan ilmiah.

Oleh itu, kita dapati latihan ilmiah yang ditulis kini kurang baik mutunya kerana pada hakikat akademiknya, dia tidak layak menulis latihan ilmiah, tetapi kerana struktur pengajian yang tiada satu sistem penapisan ke tahun empat, maka ia juga sampai ke tahun akhir yang memerlukan penulisan sebuah latihan ilmiah.

Penyusunan semula struktur pengajian difikirkan perlu bagi meningkatkan mutu graduan yang dihasilkan. Graduan tanpa kualiti tidak mungkin menjamin masa depan negara dan mewujudkan bangsa bertamadun. Graduan hari ini menentukan maju mundurnya tamadun dan kekuatan daya fakir bangsa kita.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS)